

KENYATAAN MEDIA

15 JANUARI 2019

**Suruhanjaya Tenaga**  
**(Energy Commission)**  
No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Precinct 2,  
62100 Putrajaya,  
Malaysia.  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

## **ST Serbu Kolam Udang Disyaki Usik Pemasangan Meter**

**Putrajaya, 15 Jan.** – Suruhanjaya Tenaga (ST) baru-baru ini bertindak menyerbu sebuah kolam udang yang terletak di Sg. Petani, Kedah, kerana disyaki melakukan pengusikan pada pemasangan meter TNB sehingga menyebabkan ia gagal merekod bacaan dengan sempurna.

Serbuan yang turut disertai oleh pegawai dari Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu mendapati pemilik kolam udang telah melakukan pendawaian tambahan di terminal alatubah arus (*current transformer*) di pemasangan meter kolam berkenaan. Pendawaian tambahan itu menyebabkan meter TNB gagal merekod dengan sempurna sekitar 70%.

Serbuan yang dilakukan adalah agak mencabar apabila pasukan serbuan terpaksa menaiki sampan dan melalui denai yang berselut agar kehadiran mereka ke premis tidak dapat dihidu oleh pemilik kolam udang. Ini dilakukan bagi mengelakkan pemilik kolam udang menghilangkan bahan bukti sebelum pasukan serbuan tiba.

Semasa serbuan dijalankan, beberapa pekerja kolam udang didapati cuba untuk menanggalkan usikan pada pemasangan tersebut tetapi dengan kepantasan pasukan serbuan, cubaan mereka telah digagalkan dan operasi tersebut telah berjaya dilaksanakan.

Siasatan lanjut sedang dijalankan oleh pihak ST dan jika didapati bersalah, pemilik kolam udang ini boleh didenda sehingga RM1 juta atau penjara sehingga lima tahun untuk kesalahan pertama.

ST juga ingin mengingatkan orang ramai agar tidak melakukan apa-apa pengusikan pada pemasangan meter atau melakukan sebarang kegiatan penggunaan elektrik secara curang kerana ia merupakan kesalahan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990. Jika sabit kesalahan,

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

denda sehingga RM5 juta atau penjara sehingga 10 tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan untuk kesalahan kedua dan seterusnya.

**\*\*\*Tamat\*\*\***

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali*

*Unit Komunikasi Korporat*

*Tel: 03 8870 8500/03 8870 8554/03 8870 8598/013 2183778 (Zairulliati)*

*Faks: +603 8888 8636*

*Emel: [sitihaila@st.gov.my](mailto:sitihaila@st.gov.my)/[zairulliati@st.gov.my](mailto:zairulliati@st.gov.my)*

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.